

Teks Ucapan Sempena Majlis Pembukaan Rasmi Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam (DASH)

By : YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

Date : 13/10/2022

**TEKS UCAPAN
YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB PERDANA
MENTERI**

**SEMPENA
MAJLIS PEMBUKAAN RASMI LEBUHRAYA BERTINGKAT
DAMANSARA-SHAH ALAM
(DASH)**

**13 OKTOBER 2022 | KHAMIS | 10.00 PAGI
PLAZA TOL DENAI ALAM**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama pada **Majlis Pembukaan Rasmi Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam (DASH)** hari ini.

2. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada Kementerian Kerja Raya (KKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (PROLINTAS) kerana mengundang saya untuk merasmikan Majlis Pembukaan Rasmi Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam (DASH) di Plaza Tol Denai Alam, Shah Alam.

3. Saya berasa amat berbangga apabila melihat banyak projek berimpak tinggi seperti Lebuhraya DASH menjadi satu realiti kerana ia bakal memberi kemudahan dan juga manfaat kepada Keluarga Malaysia.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

4. Projek Lebuhraya DASH ini merupakan salah satu daripada 53 buah projek berimpak tinggi dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang bertujuan mewujudkan peluang pekerjaan, menjana limpahan perniagaan dan merangsang serta menyediakan banyak kegiatan ekonomi yang lebih berdaya maju.

5. Menerusi pembinaan Lebuhraya DASH, sejumlah 12,000 peluang pekerjaan dicipta membabitkan pengurusan, kejuruteraan, teknikal, pembantu barisan hadapan dan pekerja kontrak.

6. Lebuhraya ini yang mula dibina sejak Ogos 2016 dan siap 30 September lepas, mampu mengurangkan kesesakan lalu lintas di beberapa lokasi

strategik seperti di sepanjang Persiaran Mokhtar Dahari, Jalan Sungai Buloh dan Persiaran Surian sehingga 40 peratus ketika waktu puncak.

7. Tempoh perjalanan juga dijangka dapat dijimatkan kepada 30 minit pada waktu puncak dari Persimpangan Puncak Perdana ke Persimpangan Penchala berbanding dengan laluan sedia ada yang mengambil masa selama satu jam 30 minit.

8. Lebuhraya DASH merupakan laluan alternatif kepada pengguna di sebelah barat, Shah Alam untuk melakukan perjalanan ke Kuala Lumpur, sekali gus mengurangkan kesesakan, tempoh perjalanan dan menyuraikan trafik secara lebih berkesan.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

9. Untuk makluman, pembinaan Lebuhraya DASH juga menerapkan elemen-elemen kelestarian selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030.

10. Lebuhraya DASH juga memenuhi kriteria yang ditetapkan di bawah Indeks Lebu Raya Hijau Malaysia (MyGHI) yang merangkumi segenap rangkaian nilai pembangunan infrastruktur serta mengambil kira faktor alam sekitar dengan penarafan tahap 'Gold'. Tahniah saya ucapkan!

11. Penghadang bunyi kepungan penuh turut dipasang sepanjang 260 meter bagi mengelakkan gangguan bunyi daripada kenderaan kepada penduduk sekeliling.

12. Pembangunan industri lebuhraya memainkan peranan besar dalam usaha membangunkan negara terutamanya daripada aspek ekonomi dan infrastruktur dengan wujudnya kawasan-kawasan pembangunan baharu pada sepanjang jajaran lebuhraya.

13. Lebuhraya DASH dijangka mampu merangsang pembangunan dan pertumbuhan kawasan-kawasan ekonomi seperti perumahan dan komersial baharu di sepanjang lebuhraya termasuk Puncak Alam, Elmina dan Kwasa Damansara.

14. Justeru, Kerajaan menyokong penuh usaha dan komitmen berterusan syarikat konsesi dalam merencanakan pembangunan infrastruktur negara, sekali gus membuktikan keberkesanan projek Perkongsian Awam Swasta (Public Private Partnership atau – PPP) antara pihak PROLINTAS dan Kerajaan.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

15. Sempena pelancaran lebuhraya ini, saya ingin mengumumkan penggunaannya secara percuma atau tanpa dikenakan bayaran tol bagi

tempoh selama sebulan bermula pada jam 12.01 tengah malam, 14 Oktober 2022.

16. Sebagai menandakan keprihatinan terhadap masalah rakyat yang berdepan dengan masalah kenaikan kos sara hidup, Kerajaan juga telah bersetuju dengan cadangan untuk penstrukturan semula empat buah syarikat konsesi lebuhraya bertol di bawah kendalian PROLINTAS dan mengurangkan kadar tol bagi lebuhraya terlibat.

17. Lebuhraya terbabit ialah Lebuhraya Bertingkat Ampang – KL (AKLEH), Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE), Lebuhraya Kemuning – Shah Alam (LKSA) dan Lebuhraya Lingkaran Penyuraian Trafik Kajang (SILK). Ia akan berkuatkuasa pada jam 12.01 tengah malam 20 Oktober 2022.

18. Manakala, pengurangan kadar tol bagi Lebuhraya LEKAS dan BESRAYA di bawah Kumpulan IJM Corporation Berhad akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2023.

19. Selain itu, dalam usaha menampung trafik yang tinggi serta menangani masalah kesesakan lalulintas di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dari Tol Plaza Gombak ke Tol Plaza Bentong, Kerajaan akan membina lorong tambahan dan satu terowong baharu di Genting Sempah.

20. Pada masa yang sama, kerja-kerja tebatan banjir di lebuhraya LPT1 juga akan dilaksanakan susulan daripada kejadian banjir yang seringkali berlaku di Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1).

21. Kesemua kerja-kerja penambahbaikan yang telah saya maklumkan sebentar tadi, mengambilkira penstrukturan semula kadar tol dengan **perjanjian konsesi tambahan sedang dimuktamadkan.**

22. Melalui penstrukturan terbaharu ini, Kerajaan telah **menjimatkan sebanyak RM8.8 bilion** anggaran dalam bentuk pampasan yang sepatutnya dibayar kepada syarikat konsesi yang terlibat.

23. Pengguna lebuh raya bakal pula dapat menikmati kadar tol yang lebih rendah sekali gus dapat meringankan beban kos sara hidup.

24. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia, PROLINTAS dan semua pihak yang terlibat menjayakan pelaksanaan Projek Lebuhraya DASH.

25. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menasihati pengguna lebuhraya supaya lebih berhati-hati ketika memandu bagi mengelakkan kemalangan dan sentiasa memastikan kenderaan masing-masing dalam keadaan baik.

26. Dengan kata-kata tersebut, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, merasmikan penggunaan **Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam atau DASH.**

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/10/teks-ucapan-sempena-majlis-pembukaan-rasmi-lebuhraya-bertingkat-damansara-shah-alam-dash/>